

HUKUMAN ZINA

Tuntutan hukum berdasarkan hadis

1. Orang yang berzina yang **مُحْصِن** (sudah berkahwin) wajib dikenakan hukuman rejam
2. Pengakuan penzina boleh diambil kira sebagai salah satu **cara pensabitan hukuman hudud**
3. Pengakuan disyaratkan sebanyak **4 kali** bagi membolehkan penzina dijatuhkan hukuman hudud

Pengertian zina

Bahasa : persetubuhan haram

Istilah : perhubungan seks haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah

Jenis-jenis hukuman zina

مُحْصِن

- Penzina yang telah berkahwin (lelaki/perempuan)
- Direjam hingga mati

غَيْرُ مُحْصِن

- Penzina yang belum berkahwin (lelaki/perempuan)
- Dibuang daerah selama setahun

Hukuman hudud

- Hukuman buang daerah — **فُقَّهَاء** termasuk mazhab syafii' berpendapat hukuman ini termasuk dalam kategori hudud
- Wajib dilaksanakan selama **setahun** Bersama-sama hukuman tersebut

Sebab wurud hadis

- Seorang lelaki muslim datang kepada baginda dan mengaku dia telah berzina tetapi Rasulullah tidak mengiraukannya
- Lelaki itu mengulanginya sehingga 4 kali
- Rasulullah bertanya sama ada dia mempunyai penyakit gila dan lelaki itu menjawab bahawa dia tidak gila
- Rasulullah bertanya lagi sama ada dia sudah berkahwin dan lelaki itu menjawab bahawa dia telah berkahwin
- Rasulullah memerintahkan agar lelaki tersebut direjam

Kaedah mengistinbatkan hukum berdasarkan lafaz

"إِذْهَبُوا بِهِ فَارْجُمُوهُ"

- Melalui lafaz
إِذْهَبُوا بِهِ فَارْجُمُوهُ
- **فِعْلُ الْأَمْرِ** : perintah suruhan yang membawa hukum wajib

- Wajib bagi penzina yang telah berkahwin dihukum rejam sampai mati

Cara pensabitan hukum zina

1. Pengakuan penzina sendiri

Mengulang pengakuan 4 kali

Penzina mestilah :

- Akil baligh
- Mengaku dengan pilihan sendiri/sukarela
- Orang yang membuat pengakuan mampu melakukan zina
- Pengakuan dibuat dengan ucapan
- Pengakuan : jelas, fasih dan tiada keraguan

2. Penyaksian 4 orang saksi lelaki

- Saksi : akil baligh dan adil (mempunyai integriti peribadi)
- Setiap saksi melihat perbuatan itu secara jelas tanpa sebarang

kesamaran, jika tidak,
hukuman qazaf : 80
kali sebatan

3. Qarinah atau bukti (eviden)

Bukti yang meyakinkan
seperti :

- i. Gadis yang didapati hamil atau seorang perempuan yang bersuamikan kanak-kanak yang belum baligh didapati mengandung
- ii. Seorang perempuan melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam masa tidak sampai 6 bulan hijri daripada Tarikh pernikahan
(perempuan berkenaan)

Kepentingan mengamalkan ketelitian dalam pensabitan hukum zina

- i. Mengelakkan daripada berlaku sebarang bentuk kezaliman dan penganiayaan yang akan

mencalarkan imej mereka yang tidak bersalah

- ii. Memberi keadilan kepada penzina agar mendapat balasan yang sesuai dengan perbuatan yang telah dilakukan
- iii. Menunjukkan islam amat berhati-hati dalam melaksanakan hukuman zina
- iv. Menimbulkan kegerunan kepada manusia agar menjauhi zina kerana setiap perlakuan akan mendapat hukuman

Langkah untuk menjauhi perkara yang boleh mendekatkan diri kepada zina

- Menjaga dan membataskan pergaulan antara lelaki dan perempuan
- Meningkatkan Pendidikan agama kepada anak-anak
- Mengawal serta menutupan pusat-pusat hiburan